

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

24. Peruntukan Kerajaan Persekutuan.

- (a) Senaraikan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan dari 2018-2019 dan jumlahnya.
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan keadaan kewangan negeri sentiasa berada di dalam keadaan yang selesa setelah bukan lagi dalam gabungan Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

24. (a) Senarai peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut jenis pemberian dari tahun 2018 hingga 2019 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menyediakan belanjawan tahunan berdasarkan kutipan hasil Kerajaan Negeri dan tidak terlalu bergantung kepada pemberian Kerajaan Persekutuan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri berjaya mengekalkan prestasi kewangan yang cemerlang dengan belanjawan lebih setiap tahun (selain tahun 2018) melalui langkah-langkah perbelanjaan berhemat seperti berikut:

- (i) Dasar penjimatan dan kawalan perbelanjaan mengurus yang diamalkan Kerajaan Negeri yang menggariskan aspek penjimatan, perbelanjaan

berhemat dan kawalan dalaman yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kos serta mengelakkan pembaziran. Antara langkah-langkah penjimatan yang diamalkan adalah seperti penyediaan makan minum untuk majlis-majlis rasmi dibuat secara sederhana, kursus/bengkel/seminar hanya dibenarkan dibuat dalam premis kerajaan, penggunaan perjalanan udara tambang murah di kalangan syarikat penerbangan milik negara dan kawalan terhadap pembelian aset-aset kerajaan;

- (ii) Selaras dengan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), kaedah perolehan yang diamalkan secara telus dan terbuka telah berjaya memberi nilai optimum dan *value for money* bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri; dan
- (iii) Bagi perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menekankan supaya perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dibuat mengikut keutamaan dan secara telus serta tender terbuka agar memberi pulangan yang lebih optimum kepada kumpulan sasaran dan rakyat.

LAMPIRAN A

Senarai peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut jenis pemberian dari tahun 2018 hingga 2019.

BIL	JENIS PEMBERIAN	JUMLAH PEMBERIAN (RM)	
		2018	2019
1	Pemberian Mengikut Bilangan Kepala.	24,697,320.00	24,884,280.00
2	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Melaksanakan Projek-projek Pembangunan Persekutuan.	15,260,077.00	10,655,653.00
3	Pemberian Pertambahan Hasil Kerajaan Persekutuan.	11,714,155.00	11,725,253.00
4	Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama (JKM, JPV, JPS, JPBD, MSN).	32,947,152.00	29,562,002.10
5	Pemberian Pelancongan	0.00	10,984,390.00
6	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup.	13,516,000.00	15,966,000.00
7	Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS).	114,097,838.00	47,540,765.00
JUMLAH KESELURUHAN		212,232,542.00	151,318,343.10

Nota:

- (a) Terimaan item 1 hingga 5 adalah diperakaunkan ke Akaun Hasil Negeri.
- (b) Terimaan item 6 adalah diperakaunkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan.
- (c) Terimaan item 7 adalah diperakaunkan ke Akaun Amanah MARRIS.
- (d) Terimaan untuk Item 5 adalah merupakan pemberian baharu daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2019.